



KERATAN AKHBAR
21 Nov2021 (Sunday)

Berita Harian

Kerajaan tak biar petani, pesawah tanggung beban

1

Utusan Malaysia

Kes adun Morib sedang dikaji

2

Harian Metro

WASPADA MENJADI MUFLIS DI AKHIRAT

3

IS21 mampu tingkat pengeluaran padi negara

4

Kosmo

Benih padi baharu IS21 kurangkan kebergantungan beras import

5

Selesai segera isu harga baja, racun

6

Jalan berlubang motosikal warga emas tenggelam tengah jalan

7

Vape patut diharam, bukan kena cukai

8

Sinar Harian

Benih padi baharu IS21 tingkatkan hasil

9

Kawasan riahad terbiar perlu perhatian PBT

10

Kajian mendalam menjah syariah

11

Berita Harian Online

Benih padi IS21 tingkatkan hasil 35 peratus lebih tinggi

12

Gangguan bekalan air di USJ 1 hingga USJ 27

13

Projek litar lumba di Sungai Petani ikut pelan asal

14

Penyokong KL terlalu gembira - Hodak

15

KOSMO Online

Benih IS21 bantu kurangkan beras import negara

16

Benih padi IS21 bukti kegunaan teknologi nuklear

17

Penduduk USJ dijangka hadapi gangguan bekalan air sehingga esok

18

Selangor ideal untuk pelabur asing wujud hab global

19

myMetro On-line

Baka padi baharu IS21 mampu tingkatkan pengeluaran padi negara

20

Gangguan air: Ujian kualiti sedang dijalankan di Kolam Air Sime Uep

21

Kawasan USJ 1 hingga USJ 27 alami gangguan bekalan air

22

KL City dihukum beraksi tanpa penonton

23

'Masalah pesawah dan petani adalah masalah kerajaan' - PM

24

Projek litar lumba ikut pelan asal - Sanusi

25

Nasional FM (87.7)

Selangor Salur RM5 Juta Kepada 1,100 PKS Melalui Geran Padanan Digitalisasi PKS

26

Sinar Harian Online

Benih padi IS21 atasi kebergantungan beras import

27

Benih padi IS21 tingkat hasil 35 peratus lebih tinggi

28

FAS berhasrat majukan bola sepak wanita menerusi WSL

29

Gangguan air: Ujian kualiti di Kolam Air Sime UEP

30

Invest Selangor bantu usahawan F&B tembusi pasaran tempatan, ASEAN

31



Kawasan riadah didakwa terbiar, daif	32
Litar lumba Sungai Petani bakal dibangunkan semula	33
Masalah teknikal paip agihan di USJ pulih malam ini	34
Program pendigitalan bantu PKS tingkat pendapatan	35
Covid-19: 600 kotak makanan diedar bantu pihak terjejas	36
McDonald's bayar zakat RM2 juta	37
MGB catat peningkatan PAT sebanyak 96.5 peratus	38
Saya yakin ahli Pas istiqamah, patuh: Azmin	39
Utusan Malaysia Online	
'DNA' Sathia lagi bagus	40
FAS sasar 20 pasukan bertanding WSL 2023	41
Inovasi benih padi IS21 guna aruhan sinar gama	42
PM lancar benih padi, IS21 berdaya tahan, produktiviti tinggi	43
ADUN Morib akan didakwa di mahkamah	44
Kutipan zakat tahun ini mampu capai RM1 bilion – LZS	45
Selangor hab perniagaan global	46
Tiada solat sunat khusuf sebab gerhana bulan tidak dapat dilihat	47
New Straits Times	
'MOBILISE EFFORTS FOR AGRO-FOOD INNOVATION'	48
Malaysiakini Online	
PKR defectors form new party sans Azmin, Zuraida	49
New Straits Times Online	
PM to local researchers: Mobilise efforts for agro-food innovation	50
Unscheduled water supply disruption in USJ areas	51
The Malay Mail Online	
Air Selangor: Unscheduled water supply disruption in USJ areas due to 'air lock' issue on main distribution pipe	52
The Star Online	
Water cut, low water pressure in USJ areas	53
600 food boxes for Selangor's needy	54
China Press	
Air lock occurred in the water pipe of the reservoir, interrupting the water supply in USJ1-27	55
LUAS rapid response team successfully prevented 23 pollution accidents in 11 months	56
Outside the residence illegal parking, dismantle! ; MPKj refuses accommodate provoke public grievances.	57
Sin Chew Daily	
The water level of the Sime UEP reservoir dropped, this affected water supply to USJ 1 to 27	58
Selangor MB: Implement SIDEC to help SMEs to recovery	59
There is a reward for reporting water pollution, the amount will be announced soon	60
Nanyang Siang Pau	
Menteri Besar of Selangor: Sidec launches various digital initiatives to help SME recovery	61
Teng Chang Khim: Selangor International Expo debuts Supermarket Buyers Programme 2021, and 3 Supermarkets to help F&B industry enter ASEAN	62



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



Guang Ming Daily

Rewards for reporting pollution of water sources to be announced

63

244 Covid-19 cases in Klang over 7 days; Chales urged to follow SOP to prevent lockdown

64



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan tak biar petani, pesawah tanggung beban
Muka Surat	:	8



Ismail Sabri ketika melawat tapak pameran selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, semalam.
(Foto BERNAMA)

Kerajaan tak biar petani, pesawah tanggung beban

Kementerian kewangan diarah selesai isu kenaikan harga baja, racun

Gleb Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Sekinchan: Kabinet sudah mengarahkan Kementerian Kewangan menyelesaikan isu kenaikan harga baja dan racun serta menyalurkan bantuan sewajarnya kepada pesawah dan petani negara ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, arahan itu dikeluarkan selepas perkara terbabit dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat Kabinet kelmarin.

"Kerajaan maklum masalah kenaikan baja dan racun membatik industri padi dan beras negara.

"Masalah rakyat, pesawah adalah masalah kerajaan.

"Kita tidak biarkan beban itu hanya ditanggung sendirian oleh pesawah dan petani.

"Insy-Allah, kita akan bantu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr

Ronald Kiandee; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Benih berkenaan menerima pengiktirafan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) serta Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sempena Persidangan Agung kali ke-65 agensi itu di Vienna, Austria, pada September lalu.

Pengiktirafan diterima adalah bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman kerana berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintangan terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

Benih padi IS21 disifatkan sebagai hasil inovasi industri padi negara yang dilahir mampu meningkatkan hasil tuaiannya sehingga 67 peratus atau sembilan tan perhektar dengan pengeluaran sehekta mengikut kawasan penanaman.

Ismail Sabri berkata, kenaikan harga baja dan racun tidak dapat dielakkan kerana kesan kenaikan harga pasaran antarabangsa kerana kebanyakannya diimport, walaupun ada syarikat tempatan termasuk koperasi pesawah terbabit dalam industri berkenaan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, mendukung aspirasi Keluarga Malaysia, Bajet 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober lalu memperturunkan RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tana-

man padi.

Katanya, peruntukan berkenaan bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

"Kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah."

"Pendekatan ini dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia kendiri, seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantai pengeluaran padi," katanya.

Perdana Menteri juga berharap jabatan dan agensi kerajaan yang terbabit dalam pengeluaran makanan negara dapat bekerjasama bagi memastikan sekuriti dan keamanan makanan negara serta kesejahteraan rakyat terjamin.

"Selain itu, saya turut mengambil kesempatan ini melahirkan rasa bangga melihat kerjasama strategik rentas kementerian di antara MOSTI serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi benih padi IS21," katanya.

Ismail Sabri berkata, beliau berharap MOSTI akan terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Benih Padi IS21

- Dihasilkan secara biak baka mutasi aruhan ke atas padi MR21 guna Teknologi Sinaran Gama.
- Ujian Multilokasi (MLT) dimulakan pada 2016 dan 2017
- Ujian Penentusan Tempatan (LVT) dijalankan pada 2018 dan 2020
- Menunjukkan hasil tinggi dan stabil di pelbagai persekitaran dan sesuai pada tanah yang berbeza.
- Sangat bertindak balas kepada bahan nitrogen dan rintang kepada beberapa penyakit padi utama
- Ditanam di jelapang padi utama seluruh Semenanjung termasuk di Barat Laut Selangor, Kerian dan Seberang Perak serta MADA, Kedah
- Peningkatan hasil 40 hingga 67 peratus berbanding pengeluaran hasil kebangsaan
- Purata hasil cecah 9 tan per hektar
- Rintang tahap sederhana kepada penyakit karah, hawar daun bakteria, bina perang, hawar seludang dan tungro.



KERATAN AKHBAR
20 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kes adun Morib sedang dikaji
Muka Surat	:	12

Kes ADUN Morib sedang dikaji

SEPANG: Siasatan berhubung laporan polis bekas isteri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib yang dilapor dicederakan suaminya kini di peringkat kajian di Bukit Aman.

Ketua Polis Selangor Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, kes melibatkan Hasnul Baharuddin telah dirujuk untuk kajian di Bukit Aman sebelum dihantar ke Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan mahkamah.

“Kes telah dirujuk kepada Bukit Aman untuk kajian sebelum diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan pendakwaan di mahkamah, “katanya ringkas ketika ditanya perkembangan siasatan kes itu dalam satu sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang semalam.

Difahamkan kes ke atas Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan polis membuka kertas siasatan berhubung dakwaan Hasnul memukul bekas isteri

nya, Juliani Jalilah Abdullah, 38.

Bulan lepas, bekas isterinya Juliani Jalilah telah membuat laporan polis di Balai Polis Daerah Kuala Langat berhubung kejadian itu yang didakwa berlaku pada 21 Ogos, ketika kedua-dua mereka masih merupakan pasangan suami isteri.

Hasnul yang merupakan ADUN daripada Parti Amanah dan Timbalan Speaker DUN Selangor bagaimanapun mendakwa laporan itu dibuat dengan ‘niat jahat’ selepas perceraian mereka.

Hasnul berkata, laporan itu dibuat beberapa bulan selepas kejadian itu untuk dikemukakan bagi rujukan Mahkamah Syariah dan tindakan lanjut terhadap Hasnul.





KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	WASPADA MENJADI MUFLIS DI AKHIRAT
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

WASPADA MENJADI MUFLIS DI AKHIRAT



Bersama
Dr Mohd
Khafidz Soroni

ering kali kita melihat dalam media sosial orang mencaci, menghina dan memfitnah seolah-olah tiada rasa takut bahawa semua itu akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada Hari Akhirat kelak. Oleh itu, berhati-hatilah agar kita tidak menjadi orang yang muflis di sana nanti.

Di dunia, orang muflis ialah orang yang tidak berupaya membayar hutang, yang disebut juga sebagai bankrap. Orang muflis biasanya tidak memiliki apa-apa harta kerana semuanya diambil sebagai tebusan bagi melunaskan hutangnya. Ini adalah menurut hukum dunia. Bayangkan pula jika harta tadi kita tukarkan dengan pahala. Maka, orang yang tidak memiliki apa-apa pahala lagi kerana semuanya diambil sebagai tebusan bagi dosanya juga dinamakan muflis.

Muflis di akhirat tentunya jauh lebih menyekas daripada muflis di dunia. Perbandingan ini disebutkan dalam sebuah hadis riwayat Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW pernah bertanya kepada sahabatnya: "Tahukah kamu sekalian, siapakah orang muflis itu?" Sahabat menjawab: "Orang muflis menurut kami ialah orang yang tidak memiliki wang dan harta benda." Rasulullah SAW membela: "Sesungguhnya orang muflis daripada kalangan umatikalah orang yang pada Hari Kiamat kelak datang dengan ibadah solat, puasa dan zakat, tetapi ia dahulu selalu mencaci makr orang ini, memfitnah orang itu, memakan harta orang ini, menumpukan darah orang itu dan memukul orang ini. Maka, diberikan kepada setiap orang tadi daripada pahala kebaikannya. Sekiranya pahala kebaikannya sudah habis sebelum selesai ditunaikan semua tuntutan ke atasnya, akan diambil pula daripada dosa mereka, lalu dilemparkan pula ke atasnya. Kemudian akhirnya, dia akan dihumbankan ke neraka." **Riwayat Muslim**

Istilah muflis yang sedia difahami oleh sahabat RA digunakan oleh Rasulullah SAW untuk menggambarkan keadaan seseorang pada Hari Akhirat menerima nasib lebih teruk daripada muflis dunia, iaitu apabila pahala kebaikannya diambil orang sehingga habis tiada apa yang tinggal. Malah, itu



HIDUP bermasyarakat dengan saling menolong dan menghindari persengketaan adalah amar ditutut dalam ajaran Islam.

Barangsia yang memiliki suatu kezaliman terhadap saudaranya, sama ada pada maruhanya atau pada sesuatu perkara maka hendaklah dia meminta dihalalkan pada hari ini, sebelum tidak bermanfaat lagi wang dinar mahupun dirham (pada Hari Kiamat kelak). Jika dia mempunyai amal soleh, akan diambil daripadanya menurut kadar kezalimannya. Jika dia tidak mempunyai kebaikan lagi, akan diambil pula daripada kejehatan sahabatnya lalu dipukulkan ke atasnya"

Riwayat al-Bukhari

pun belum dapat menyelesaikan semua tuntutan dan hak orang yang disakiti atau dizalimi. Semua amal kebaikan yang dilakukannya semasi di dunia dahulu tidak lagi dapat menyelamatkannya daripada azab Allah SWT.

Justeru, agar kita tidak menjadi muflis di akhirat nanti, seujarnya kita perlu sentiasa bermuhasabah diri daripada

menzalimi atau menyakiti orang lain walaupun dalam hal yang kelihatan kecil dan remeh.

Mendiamkan diri itu adalah lebih baik daripada menimbulkan apa-apa masalah kepada orang lain. Malah, dengan mendiamkan diri daripada melakukan sebarang keburukan adalah suatu amalan yang akan diganjari pahala. Ia adalah amalan yang paling mudah bagi setiap Muslim. Pernah seorang lelaki datang kepada Nabi SAW dan bertanya: "Wahai Rasulullah, manakah amal yang paling utama?" Baginda menjawab: "Beriman kepada Allah dan berjihad di jalannya Allah." Dia bertanya lagi: "Bagaimana jika aku tidak mampu?" Baginda bersabda: "Tahanlah dirimu daripada melakukan keburukan, sesungguhnya itu adalah suatu sedekah yang engku sedekahkan ke atas dirimu sendiri." **Riwayat Ahmad**

Maka, hendaklah kita memastikan diri kita tidak tersangkut di akhirat nanti dengan mana-mana hak orang lain. Sekiranya terlanjur melakukan kesalahan terhadap seseorang, segeralah memohon kemaafan daripadanya serta kembali bertaubat kepada Allah SWT. Bersikanklah hati daripada sifat hasad, cemburu, sombong, keras hati dan benci terhadap orang lain hanya disebabkan hal keduniawan kerana penyakit hati ini mampu

mendorong kepada perbuatan ditegah oleh syarak. Ia adalah punca kepada banyak kerosakan yang berlaku dalam masyarakat manusia di dunia hari ini.

Tegasnya, kita perlu sentiasa bermuhasabah diri sebelum kita dihibus di akhirat kelak. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsia yang memiliki suatu kezaliman terhadap saudaranya, sama ada pada maruhanya atau pada sesuatu perkara maka hendaklah dia meminta dihalalkan pada hari ini, sebelum tidak bermanfaat lagi wang dinar mahupun dirham (pada Hari Kiamat kelak). Jika dia mempunyai amal soleh, akan diambil daripadanya menurut kadar kezalimannya. Jika dia tidak mempunyai kebaikan lagi, akan diambil pula daripada kejehatan sahabatnya, lalu dipukulkan ke atasnya." **Riwayat al-Bukhari**

Dakhirat, harta sudah tidak lagi bermanfaat kerana semua perbicaraan hutang piutang dijalankan menggunakan pertukaran amal, sama ada amal kebaikan atau amal kejahatannya. Maka, berhati-hatilah supaya pahala kita tidak berkurban diambil orang atau kita nanti terpaksa pula memikul dosanya.

Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR 21 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	IS21 mampu tingkat pengeluaran padi negara
Muka Surat	:	25



ISMAIL Sabri (kiri) menerima cenderahati daripada Dr Adham Baba pada Majlis Pelancaran benih padi IS21 di Sekinchan, semalam.

IS21 mampu tingkat pengeluaran padi negara

Kuala Selangor: Baka padi baharu dikenali sebagai IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar dengan hasil tuai meningkat antara 40 hingga 67 peratus, sekali gus meningkatkan sara diri padi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, IS21 yang dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama itu mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

Menurutnya, inisiatif Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi (Mosti) menghasilkan pelbagai padi baharu itu adalah usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

Kerajaan sentiasa memastikan usaha bagi mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan.

"Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, pesawah dan petani semata-mata, tetapi memerlukan usaha bersama sebagaimana sering saya te-

kankan iaitu keterangkuman serta kebersamaan yang menjadi teras utama konsep Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran benih padi IS21 di Sekinchan di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Mosti, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Benih padi baharu IS21 kurangkan kebergantungan beras import
Muka Surat	:	6

Benih padi baharu IS21 kurangkan kebergantungan beras import

SABAK BERNAM – Penghasilan benih padi baharu, IS21 dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif penghasilan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu merupakan salah satu usaha pelengkap dalam meningkatkan sekuriti makanan negara selaras selaraskan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara.

"Benih padi ini berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyebabkan kerugian pesawah."

"Selain itu, baka padi IS21 ini juga berpotensi memberi hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan para pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan."

"IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan dapat mengurangkan kos penanaman sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak



PENGHASILAN benih padi IS21 mampu meningkatkan sekuriti makanan negara selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara. – GAMBAR HIASAN

yang kurang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan benih padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi, Sekinchan, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri MOSTI, Datuk Seri Dr. Adham Baba.

Katanya, baka padi IS21 itu

salah satu projek teknologi ber-impak tinggi MOSTI menerusi Agensi Nuklear Malaysia mendapat pengiktirafan bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman daripada International Atomic Energy Agency dan Food and Agriculture Organisation sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selesai segera isu harga baja, racun
Muka Surat	:	6

Kabinet arah Kementerian Kewangan salur bantuan kepada petani, pesawah

Selesai segera isu harga baja, racun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM – Kabinet mengarahkan Kementerian Kewangan menyelesaikan kenaikan harga baja dan racun yang kini membebankan para petani dan pesawah di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan sentiasa menyelami masalah dihadapi rakyat termasuk berhubung kenaikan harga baja dan racun yang kini membebankan petani dan pesawah.

Beliau berkata, Kabinet telah mengarahkan Kementerian Kewangan menyelesaikan kenaikan tersebut dan menyalurkan bantuan kepada golongan itu.

"Alasan kenaikan tersebut adalah disebabkan pengimporan meskipun ada antara syarikat di negara ini termasuk koperasi dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengeluarkannya, namun bahan mentah diimport dari luar negara.

"Kita bincang (harga baja dan racun) dalam Kabinet semalam (kelmarin). Kita faham harga racun tinggi, kos akan meningkat seterusnya mengurangkan pen-



ISMAIL SABRI (dua dari kanan) semasa melihat pameran selepas melancarkan benih padi IS21 di Sekinchan, Selangor semalam.

dapatan petani dan pesawah.

"Percayalah masalah rakyat,

petani, pesawah adalah masalah kerajaan dan (kerajaan) tidak biar-

kan mereka terbeban. Insya-Allah, kita akan bantu," katanya ketika berucap melancarkan benih padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih

Asas dan Tapak Penyelidikan Padi, Sekinchan, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiru-

din Shari dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba.

Beliau memberitahu, mendukung Aspirasi Keluarga Melayu, Bajet 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi.

Ujar Ismail Sabri, ini bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

"Kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransuransur, bagi menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

"Pendekatan ini dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia kendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantauan pengeluaran padi," jelasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Jalan berlubang motosikal warga emas tenggelam tengah jalan
Muka Surat	:	12



GAMBAR tular yang dikongsi seorang pengguna Twitter menunjukkan seorang lelaki cedera selepas terlibat kemalangan di Kota Tinggi.

Jalan berlubang, motosikal warga emas 'tenggelam' tengah jalan

Tular

PETALING JAYA – Seorang lelaki warga emas berlumuran darah akibat terjatuh dari motosikal dinaiknya yang terperosok ke dalam lubang dipenuhi air di satu persimpangan di Kota Tinggi, Johor.

Kisah malang lelaki itu dikongsikan seorang pengguna laman Twitter dikenali @Hfnz9 sehingga tular dan mendapat reaksi daripada orang ramai yang bersimpatis dengan nasib menimpak warga emas berkenaan.

Menerusi gambar yang di-

kongsi, kelihatan separuh daripada motosikal Honda EX5 milik warga emas itu terperosok dalam lubang yang bertakung.

Akibat kejadian tersebut, warga emas itu mengalami kecederaan di bahagian muka.

"Semoga pak cik ini mendapat pembelaan dan pampasan," ciaj lelaki itu ringkas.

Sementara itu, aktivis jalan raya, Lando Zawawi turus membuat hantaran sama di Facebook yang memakumkan air di kawasan itu sudah beberapa minggu bertakung berikutnya longkang tersumbat.

"Sudah beberapa minggu air bertakung kerana longkang ter-

sumbat, tapi tiada apa-apa tin-dakan.

"Tipulah, kata tidak tahu se-dang jalan ini tidak berapa jauh dari pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), berhampiran dengan Masjid Jamek Kota Tinggi dan se-kolah," katanya.

Dalam pada itu, JKR Kota Tinggi menerusi ciapan balas di Twitter memakumkan jalan tersebut berada di bawah bidang kuasa dan selenggara Majlis Daerah Kota Tinggi.

"Tindakan telah pun diambil dan pembalakan sedang dijalankan melalui Syarikat Konsesi Safwa Global, harap maklum dan terima kasih," jelasnya.



KERATAN AKHBAR
20 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Vape patut diharam, bukan kena cukai
Muka Surat	:	13

Penggunaannya tidak beri manfaat kesihatan

Vape patut diharam, bukan kena cukai

Oleh MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Kerajaan sepertinya mengharamkan kemasukan dan penggunaan rokok elektronik dan vape di negara ini dan bukannya mengenakan cukai kepada pengguna dan penjualnya.

Presiden Persatuan Farmasi (MPS), Amrahi Buang berkata, ini berikutan kedua-dua alatan tersebut tidak memberikan sebarang manfaat kepada kesihatan rakyat negara ini.

"Mengikut kajian beberapa buah negara termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), rokok elektronik dan vape bukan alternatif terbaik untuk seorang individu menghentikan ketagihan merokok."

"Sebaliknya, menghisap dua alat ini adalah satu bentuk ketagihan nikotin baharu dan ia sukar dikawal," kataanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dipetik berkata, kerajaan bercadang mengenakan duit eksais ke atas produk cecair atau gel yang bernikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Malah, Kosmo! awal bulan lalu turut melaporkan rokok elektronik atau vape bakal menjadi fenomena ketagihan baharu kerana laporan kajian ilmiah dilakukan beberapa pihak menunjukkan lebih sejuta orang atau 4.9 peratus individu menjadi pengguna tegar alat peranti tersebut di Malaysia.



MENGHISAP vape merupakan bentuk ketagihan baharu dan sukar dikawal. – GAMBAR HIASAN



AMRAHI

Justeru, beliau meminta kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan yang dibuat demi kesihatan rakyat Malaysia.

"Rokok termasuk rokok elektronik dan vape bernikotin adalah penyumbang risiko yang utama dalam isu penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini yang juga merupakan masalah kesihatan besar.

"Ia juga menyebabkan Kementerian Kesihatan khususnya terpaksa berbelanja besar bagi merawat penyakit berkaitannya dengan NCD ini," jelasnya.



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Benih padi baharu IS21 tingkatkan hasil
Muka Surat	:	7

Benih padi baharu IS21 tingkatkan hasil

Dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinar gama

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

SEKINCHAN

Pengenalan benih padi jenis IS21 yang dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinar gama dilihat mampu mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan akibat peningkatan populasi masyarakat di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia berikutan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menjangkakan peningkatan penduduk dunia kepada 9.7 bilion menjelang tahun 2050.

Menurutnya, Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB turut menganggarkan pengeluaran pertanian dan makanan bakal menunjukkan peningkatan kira-kira 70 peratus bagi memenuhi permintaan makanan serta pemakanan masyarakat global menjelang 2050.

"Untuk memastikan matlamat transformasi negara ke arah negara berteknologi tinggi, program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dienal pasti sebagai salah satu

teras utama Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang Makmur, inklusif dan mandiri.

"Usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memantapkan penyelidikan dan teknologi agromakanan seperti benih padi IS21 adalah selaras dengan hasrat transformasi ekonomi negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangun teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, penghasilan benih padi IS21 oleh Agensi Nuklear Malaysia melalui MOSTI turut mendapat pengiktirafan daripada International Atomic Energy Agency and Food and Agriculture Organisation sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada September lalu menerusi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

Katanya, ia adalah bukti kejayaan kerajaan melalui MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia berjaya mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa. "Saya harap MOSTI terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti dan menjanjikan keberhasilan yang mampu cipta lebih banyak



Dari kanan: Dr Ronald, Dr Adham, Amirudin, Ismail Sabri dan Noh ketika gimik perasmian di Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, Sekinchan pada Sabtu.

kejayaan pada masa hadapan. "Inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 ini adalah salah satu usaha lengkap dalam meningkatkan sekuriti makanan negara dan selaras hasrat kerajaan meningkatkan tahap sara diri padi negara, serta mampu mengurangkan kebergantungan beras impor pada masa hadapan," ujarnya.

Benih padi IS21 diiktiraf Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara. Melalui subsidi tersebut, pesawahan boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20 kilogram (kg) dan setakat ini, terdapat lebih 15,000 pesawahan padi di seluruh negara menerima serata menanam benih padi jenis IS21 tersebut.

Dalam perkembangan lain, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, penghasilan benih padi jenis IS21 merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia serta mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam industri padi negara bagi mencapai matlamat sekuriti makanan negara yang sedang dihadapi.

Beliau berkata, projek penyelidikan dan pembangunan varieti padi IS21 yang bermula sejak tahun 2005 mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian.

"Masih ramai kurang menyedari bahawa teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam

penambahbaikan hasil tanaman dan mampu membasi serangga perosak dengan menghalang pembiakkannya.

"Banyak kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan yang tahan penyakit, cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi kepada para pesawahan dan petani."

"Sektor lain yang mendapat manfaat daripada teknologi nuklear ini adalah bidang perubatan, bioteknologi, alam sekitar, industri dan pembuatan," kata beliau.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Ng Suee Lim.



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kawasan riadah terbiar perlu perhatian PBT
Muka Surat	:	27

Kawasan riadah terbiar perlu perhatian PBT

SHAH ALAM - Kawasan riadah yang didakwa terbiar berdekatan Balai Polis Mutiara Damansara memerlukan perhatian pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Dr Chamil Wariya berkongsi keadaan itu di Facebook beliau pada Sabtu dan berharap kemudahan awam berkenaan dapat dibaiki kerana boleh memberi manfaat kepada penduduk.

Chamil mendakwa, kawasan taman riadah yang luas itu terletak di kawasan strategik namun kemudahan peralatan tidak diuruskan dengan baik oleh pihak

berkuasa tempatan (PBT)

“Taman riadah yang terbiar ini terletak bersebelahan dengan Balai Polis Mutiara Damansara. Berada dalam keadaan amat daif. Tidak diurus dengan betul oleh MBPJ.

“Ada taman permainan kanak-kanak dan peralatan untuk orang dewasa bersenam tidak dapat digunakan. Kalau dipulihkan bolehlah penduduk Mutiara Damansara beriadah di sini.

“Tempatnya luas dan kedudukannya strategik. Mohon Datuk Bandar MBPJ tengok-tengok sikit dan baiki keadaan taman tersebut,” catat Chamil di laman sosial itu.



Chamil turut berkongsi keadaan peralatan yang didakwanya tidak diuruskan dengan baik di taman riadah berkenaan.



KERATAN AKHBAR
21 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kajian mendalam jenayah syariah
Muka Surat	:	31

Kajian mendalam jenayah syariah



Baru-baru ini Kerajaan Negeri Kelantan telah mewartakan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2015. Ramai orang Islam yang menyokong pelaksanaan ini, tetapi ada juga dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam menentang.

Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) mengucapkan tahniah kepada Kelantan kerana melaksanakan Kanun Jenayah Syariah 2015 yang sudah lama tertangguh.

Hari bersejarah itu menjadi pemangkin kepada keberianan politik matang orang Melayu Islam menggalas makna politik sebenar dalam Islam iaitu menegakkan agama dan bersiasat untuk dunia dengan agama tersebut.

Ada juga dengan pantas mengeluarkan ketetapan bahanan enakmen diluluskan tersebut tidak berperlembagaan. Keperlembagaan atau tidaknya sesuatu undang-undang itu perlu diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Mereka tidak lekang berhujah berpaksikan Malaysia sebuah negara sekular sedangkan perkataan sekular tersebut tidak terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menyoroti sejarah, kita akan dapat sebagaimana tertulis dalam Laporan Suruhanjaya Reid bahawa Parti Perikatan pernah menyaran kan agar pernyataan Islam adalah agama negara perlu disertakan dengan jaminan kebebasan beragama bagi bukan Islam dan tidak menjaskan ciri-ciri sekular negara. Namun kehendak mempertahankan ciri sekular negara tersebut tidak diterima apabila Perlembagaan Persekutuan dimuktamadkan.

Oleh itu boleh dikatakan bahawa awal-awal lagi isu sekular negara ini telah dinyatakan daripada Perlembagaan Persekutuan.

Setelah lebih 64 tahun merdeka mereka masih tidak faham nilai sejarah ini ataupun sengaja mahu memadamkan sejarah perundungan negara. Selain itu hujah mereka juga banyak bergantung kepada penghakiman dalam kes Che Omar Che Soh yang didakwa menyatakan Malaysia adalah sebuah negara sekular.

Penulis berbeza pandangan dalam isu ini kerana setelah membaca peng-

hakiman tersebut tidak mendapat manfaat mana-mana bahagian dalam penghakiman tersebut yang menyatakan Malaysia adalah sebuah negara sekular secara spesifik.

Sekalipun penghakiman tersebut menyatakan Malaysia sebuah negara sekular, penghakiman terkemudian umpamanya dalam kes Linu Joy telah mengakas penghakiman tersebut. Tun Fairuz ketika itu Ketua Hakim Negara telah memutuskan bahawa Islam bukan sekadar ritual tetapi merupakan rata-rata kehidupan yang lengkap mencakupi semua bidang aktiviti manusia persendirian dan awam, perundungan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman. Keluasan tafsiran Islam dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan ini menafikan Malaysia adalah sebuah negara sekular.

Malah jaminan Perlembagaan Persekutuan setiap pengikut agama berhak mendirikan agamanya sendiri perlu diberikan makna sewajarnya.

Sudah tuntas dari aspek sejarah dan kehakiman menafikan dakwaan Malaysia adalah sebuah negara sekular.

Berbalik kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2015 di atas, pelaksanaannya hanya satu babak ke arah melaksanakan undang-undang jenayah syariah sepenuhnya. Masih terdapat beberapa tindakan di peringkat negeri dan Pusat yang perlu diambil bagi merealisasikan tujuan enakmen tersebut.

Penulis mengajak para penentang undang-undang jenayah syariah ini mengkaji semula pandangan mereka.

Nilailah dengan minda terbuka bukan dengan emosi yang tidak tentu hala. PPMM bersedia berdialog dengan mana-mana pihak yang ikhlas mahukan penerangan berkaitan dengan undang-undang jenayah syariah ini. Adalah amat tidak adil anda membuat suatu ketetapan tanpa ilmu yang mendasar dalam sesuatu bidang itu.

Namun penulis sedar enakmen ini akan menghadapi cabaran yang kuat dari sudut pelaksanaannya terutama apabila ada penghakiman seperti di dalam kes Iki Putra Mubarak yang menafsirkan had kuasa negeri di dalam membuat undang-undang mengenai kesalahan jenayah syariah.

Oleh yang demikian Kelantan perlu memperbaiki penghakiman tersebut agar apa yang dilului Kerajaan Negeri Selangor dalam kes Iki Putra Mubarak tidak berulang.

* Datuk Zainul Rijal Abu Bakar ialah Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia.



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Benih padi IS21 tingkatkan hasil 35 peratus lebih tinggi
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the homepage of Berita Harian (BH) Online. The main headline is "Benih padi IS21 tingkatkan hasil 35 peratus lebih tinggi". Below the headline, there is a photograph of a group of people, likely farmers or officials, gathered around a table with rice plants. The website features various other news sections and advertisements.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air di USJ 1 hingga USJ 27
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the homepage of Berita Harian (BH) with a prominent banner at the top for HSBC's 'Get an RM500 Lazada eVoucher' offer. Below the banner, a large headline reads 'Gangguan bekalan air di USJ 1 hingga USJ 27'. The main content area features several news articles and images related to the water supply issue. At the bottom of the page, there are sections for 'BERITA TERKINI' (Top News), 'DAFTAR Iklan' (Advertisement List), and a footer with various links and social media icons.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Projek litar lumba di Sungai Petani ikut pelan asal
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the homepage of Berita Harian (BH) Online. The main headline is "Projek litar lumba di Sungai Petani ikut pelan asal". Below the headline, there is a detailed article with several photographs. The article discusses the river racing project in Sungai Petani, which was initially planned to be held in December but was postponed due to the COVID-19 pandemic. It mentions the involvement of various local authorities and the preparation of the riverbank. The website has a navigation bar at the top and a sidebar on the right containing links to other news categories like Politics, Business, Sports, and more.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

19 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Penyokong KL terlalu gembira - Hodak
Muka Surat	:	-



Berita
Sukan
Dunia
Hiburan
Bisnes
Rencana
Wanita
Hujung Minggu
BH Kapoul
COVID-19 VAKSIN
PRN Melaka

60

BH ONLINE
IKUTI KAMI DI:

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA

WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLICK

RADIO
Hot FM
Bulletin FM
Fly FM
BFM




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR 20 November 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Benih IS21 bantu kurangkan beras import negara
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Benih padi IS21 bukti kegunaan teknologi nuklear
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Penduduk USJ dijangka hadapi gangguan bekalan air sehingga esok
Muka Surat	:	-







PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

19 November 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Selangor ideal untuk pelabur asing wujud hab global
Muka Surat	:	-





KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Baka padi baharu IS21 mampu tingkatkan pengeluaran padi negara
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Gangguan air: Ujian kualiti sedang dijalankan di Kolam Air Sime Uep
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

20 November 2021

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Kawasan USJ 1 hingga USJ 27 alami gangguan bekalan air
Muka Surat	:	-

Kawasan USJ 1 hingga USJ 27 alami gangguan bekalan air

Selangor

Berdasarkan Pengaruh Air Selangor Sdn Bhd (B127) yang dilaksanakan pada pagi tadi di seluruh Kawasan Selangor dan Kuala Lumpur, ia berlaku kerana pemotongan pasokan bekalan air selain itu juga kerana permasalahan pada sistem air Kolej Air Selangor (KAS).

Ketua Komuniti dan Ketua Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Dato' Siti Sofiyan berkata, insaan itu diberikan masalah kerakal air bekalan air seluruh kawasan pada pagi tadi kerana menyebabkan peralihan ke Kolej Air Selangor di Kemunting Perling.

"Belakangan ini dia bersifat sepadan dengan perkembangan pada 12 tempoh ini, iaitu Air Selangor sendiri bersama-sama memperbaiki masalah air bekalan air kita akan memperbaiki bekalan air secara berjenjang semasa konsyen air sebagai tren terhad," katanya.

"Dengan masa perbaikan berlaku di sini, bukannya berlaku dalam bentuk langsung kepada para pelanggan tetapi kemasan air pada sistem air bekalan bekalan air Selangor seluruh kawasan kita.

Selain itu, beliau mengatakan bahawa kerajaan negeri Selangor dan kerajaan negara mengambil langkah dengan keseronokan kepada para pelajar hospital, asrama dan sekolah pengajian.

Beliau turut mengatakan bahawa kerajaan negeri Selangor dan kerajaan negara mengambil langkah dengan keseronokan kepada para pelajar hospital, asrama dan sekolah pengajian.

